

**TEKS UCAPAN ALUAN  
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK DR.  
HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**Sempena**

**SEMINAR MENJANA NARATIF INOVASI STEM 2023  
(K-SEMANIS '23)**

**9 OGOS 2023 (RABU)**

**Terima kasih Saudara/saudari Pengacara Majlis;**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Salam UiTM DiHatiku,**

**Salam Malaysia MADANI**

[salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran]

- **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari**

Menteri Besar Selangor

- Yang Berusaha ...  
Dekan Fakulti Pendidikan UiTM
- Barisan Timbalan Dekan, para pensyarah, para guru dan staf sokongan, pelajar dan semua pimpinan pelajar yang diraikan.

1. Segala pujian dipanjatkan kepada Yang Maha Pencipta, Selawat dan salam kepada junjungan besar

Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Bersyukur kita kehadiran-Nya kerana dapat berkumpul bersama-sama di dalam majlis gilang gemilang yang julung-julung kali dapat diadakan ini.

2. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Pejabat Pendidikan Daerah Klang serta seluruh warga kerja Fakulti Pendidikan yang bertungkus lumus merencana, melaksana dan merealisasikan penganjuran seminar **SEMINAR MENJANA NARATIF INOVASI STEM 2023 (SEMANIS'23)**. Saya dimaklumkan bahawa, ini merupakan penganjuran kali ketiga dan untuk pertama kali bersama Fakulti Pendidikan.

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin, Menteri Besar Selangor

ke UiTM. Ribuan terima kasih saya ucapkan atas kesudian menghadiri majlis ini walaupun sibuk dengan persiapan pilihan raya negeri yang bakal menyusul.

4. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan strategik Kerajaan Negeri Selangor serta Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor di atas usaha sinergi yang telah terjalin.

**Para hadirin sekalian,**

5. Saya berasa amat bertuah kerana Fakulti Pendidikan Kampus Puncak Alam dipilih menjadi tuan rumah pada seminar kali ini. Melalui seminar ini, kita bakal dihidangkan dengan sajian ilmu-ilmu sains dan teknologi yang amat bermanfaat.

---

6. *“Menjana Naratif Inovasi Stem”* merupakan tema yang sangat signifikan dan bertepatan dengan salah satu daripada enam nilai teras Malaysia MADANI iaitu Daya Cipta. Ia bermaksud pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia. Melalui pendekatan ini, saya pasti aspirasi daya cipta warga pendidik akan dapat dipertingkatkan.

7. Saya yakin, melalui seminar K-SEMANIS '23 ini juga, profesionalisme para guru dapat dipertingkatkan lagi. Para guru berpeluang berkongsi dapatan yang diperoleh melalui pemerhatian, penyelidikan dan projek inovasi yang sedang atau telah pun dijalankan.

8. Semoga inisiatif ini akan terus menyemarakkan lagi budaya penyelidikan, pemikiran kritis dan perbincangan ilmiah. Ini adalah kerana teras pembangunan sesebuah

tamadun bergantung kepada usaha penghasilan dan pengembangan ilmu terkini.

9. Pada kesempatan ini, saya ingin kongsi kan pepatah yang dipetik dari Buku Sains Dan Teknologi di Alam Melayu yang berbunyi:

Penakit pisau diraut,

Ambil galah batang lintabung,

Seludang jadikan nyiru;

Air setitik jadikan laut,

Tanah sekepal jadikan gunung;

Alam terbentang jadikan guru

10. Tertanam falsafah hidup yang tinggi dalam pepatah ini. Ia jelas menunjukkan betapa rapatnya hubungan alam dengan kehidupan kita. Alam ini telah digunakan

sepenuhnya oleh orang Melayu zaman dahulu untuk menyelesaikan keperluan seharian mereka dan menyemarakkan ilmu sains dan teknologi sehingga tamadun Melayu diiktiraf. Justeru, marilah sama-sama kita terus menjadi penyumbang kepada kelestarian ilmu sains dan teknologi.

11. Akhir kata, tahniah dan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan seminar pada hari ini. Semoga segala usaha kita akan diberkati oleh-Nya.

**Sekian.**

***Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum***

***Warahmatullahi Wabarakatuh.***